



13 JUN, 2024

Kastam rampas minuman keras bernilai RM2.74 juta

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Page 1 of 2

Kastam rampas minuman keras bernilai RM2.74 juta

Nora Ahmad

KOTA KINABALU: Enam kontena mengandungi minuman keras, dianggar bernilai lebih RM2.74 juta termasuk cukai, dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah di Pelabuhan Sepanggar, di sini, pada 10 Mei.

Minuman keras itu dipercayai cuba diseludup masuk dari negara jiran.

Penolong Ketua Pengarah Kastam, Datuk Mohd Nasir Deraman berkata, rampasan dibuat pada jam 9 pagi apabila pasukan memeriksa 20 kontena di pelabuhan itu, kerana mengesyaki barangan diseludup menggunakan kontena.

“Pemeriksaan terhadap kesemua kontena mendapati enam daripadanya berisi minuman keras jenis bir dianggarkan sebanyak 149,925.6 liter.

“Anggaran nilai harga adalah sebanyak RM484,788 dan anggaran duti serta cukai berjumlah RM2,264,476.40,” katanya pada sidang media di sini, Rabu.

Beliau berkata modus operandi sindiket terbabit adalah dengan membuat pengisytiharan palsu barangan sebagai alat perkakasan, alat elektrik dan barangan lain.

Mohd Nasir berkata siasatan tertumpu kepada ejen perkapalan kerana barangan diisytiharkan dalam kontena itu berbeza dan tidak mematuhi peraturan digariskan.



MOHD Nasir (kedua dari kiri) menunjukkan minuman keras yang dirampas.

Kes disiasat di bawah Seksyen 52 dan 135 (1) (a) Akta Kastam 1967.

Mohd Nasir menggesa orang ramai untuk bekerjasama dengan JKDM dalam memerangi penyeludupan, khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah,

kenderaan dan lain-lain bagi mengelak ketirisan hasil negara.

Katanya, orang ramai boleh menghubungi talian bebas tol kastam 1-800-88-8855 atau pejabat kastam terdekat di semua negeri.



13 JUN, 2024

Kastam rampas minuman keras bernilai RM2.74 juta

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Nora ahmad KOTA KINABALU: Enam kontena mengandungi minuman keras, dianggar bernilai lebih RM2.74 juta termasuk cukai, dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sabah di Pelabuhan Sepanggar, di sini, pada 10 Mei. Minuman keras itu dipercayai cuba diseludup masuk dari negara jiran.Penolong Ketua Pengarah Kastam, Datuk Mohd Nasir Deraman berkata, rampasan dibuat pada jam 9 pagi apabila pasukan memeriksa 20 kontena di pelabuhan itu, kerana mengesyaki barangan diseludup menggunakan kontena.